

Bekalan air **terjejas**

Projek menara talian penghantaran elektrik beri kesan kepada sungai Janda Baik

■ NORHAFAZAN ZULKIFLI

JANDA BAIK - Tenaga Nasional Berhad (TNB) diminta mengkaji semula pembinaan menara talian penghantaran elektrik di Hutan Simpan Kekal Lentang, di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, pembinaan terbabit yang merupakan projek pelaksanaan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) itu dikatakan telah memberi kesan kepada sungai Janda Baik.

"Saya minta supaya TNB mengkaji semula untuk mengalihkan projek terbabit supaya kerja-kerja pembinaan dan penghantaran bekalan projek itu tidak menjejaskan bekalan air penduduk," katanya.

Beliau yang juga pengerusi PKNP berkata demikian ke-

tika menyempurnakan Majlis Ulang Tahun ke 50 PKNP di Kampung Janda Baik, di sini, kelmarin.

Majlis yang turut dihadiri oleh Ketu Eksekutif PKNP, Datuk Abdul Rahim Mohd Ali itu turut menyampaikan sumbangan kepada warga emas dan golongan orang kurang upaya (OKU).

Katanya lagi, tindakan mencerooh kawasan yang sepatutnya tidak dicerobohi dianggap sebagai sesuatu yang tidak bertanggungjawab.

"Sekiranya kita melakukan kerja terbabit secara elok dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan tidak akan ada masalah timbul.

"Bagaimanapun, saya telah memaklumkan perkara ini kepada pihak TNB supaya aluan terbabit dianjakkan atau dialihkan agar kesan kerja tidak



Adnan menyampaikan sumbangan kepada warga emas.

membabitkan sungai di Janda Baik ini," katanya.

Menurut beliau, pihak kerajaan negeri telah meminta TNB dan Jabatan Perhutanan serta jabatan yang terlibat mengambil tindakan sepatut-

nya bagi mengatasi masalah terbabit.

"Saya berharap pihak terlibat bertanggungjawab ke atas masalah terbabit supaya sungai di Janda Baik tidak terjejas," katanya.